

MELUASKAN PERSURATAN MELAYU

OLEH: ZA'BA

Berbahagia sungguh kita dapat menyebarkan makalah pendeta bahasa Melayu yang terkenal A Za'ba (A Zainal Abidin bin Ahmad) yang menulis berkenaan dengan meluaskan persuratan Melayu yang terbit daripada pengalaman-pengalamannya yang telah lama di dalam persuratan itu yang patut menjadi panduan kepada pengarang-pengarang muda dan tua yang suka hendak mengharungi alam persuratan. Kita sangat-sangat berbesar hati menyebut ihsannya menulis makalah² yang berturut-turut ini dan kita percaya daripada siaran yang pertama dalam bilangan 10 yang lalu bahawa inilah pertama-tama buah tangannya yang pernah disiarkan sesua ia balik daripada menjadi mahaguru di dalam Universiti di London baharu-baharu ini. Mudah-mudahan mahalahnya ini menjadi petunjuk kepada kita bersama-sama. Oleh kerana A Za'ba telah dikenal oleh umum orang Melayu maka tidaklah payah kita kenalkan lagi kepada pembaca-pembaca kita. Kita berharap dan perhatilah makalahnya ini dengan saksama – P

(Boleh disalin oleh mana-mana surat khabar yang suka)

2 - KARANGAN SYAIR:

Adapun karangan syair pula maka ialah buntet kesenian dalam medan persuratan apa-apa bahasa pun. Tetapi disyaratkan hendaklah indah gubahannya, bernas dan padat isinya, tinggi perasaan dan pemandangan yang dilafazkan di dalamnya, cantik warna-warna yang dilukiskan oleh perkataannya dan kias ibaratnya : Dan jika bertimbang, kena timbangannya, sukatananya, rentaknya, dan sajak-sajaknya – pendeknya elok dan kemas pertukangannya. Maka dengan syair yang demikian seseorang pengarang boleh menarik dan menggemirakan, boleh memberangsang dan mengapikan, boleh menawan semangat pembaca dan menjulangkan perasaannya di atas sayap khayal naik mengawan ke langit biru. Bahawasanya syair-syair demikianlah yang dikira meninggikan darjat persuratan bahasa yang mempunyai dia daya itu dan mengangkatkan tarafnya di mata dunia.

Begitulah sifatnya syair-syair Tagore dalam bahasa Benggala dan Syair Iqbal dalam bahasa Parsi dan Urdu di India; Begitulah kelebihan syair Walmiki menceritakan riwayat “Ramayana”nya (Seri Rama) dalam bahasa Sanskrit dahulu kala; Begitulah pula syair “Illiad” dan syair

“Odessy” yang ditukangi yang ditukangi oleh Homer dalam bahasa Greek tua (Yunani) 850 tahun sebelum tarikh Masihi; Begitulah juga syair-syair karangan Horace dan Virgil dalam bahasa Latin 2000 tahun dahulu. Demikian pula syair-syair Firdausi, Nizami, Jami, Sa’di, Hafiz, Attar, Umar Khayyam dan Jalaluddin Rumi dalam bahasa Parsi; syair; al-Mutanabbi, Umar bin Rabiah, Abil ‘Ula al-Muarra Umar bin al-Gharidh dan Ahmad Shauqi dan berpuluh-puluh yang lain dalam bahasa Arab; Syair La Martin (Perancis) Goethe (Jerman) Dante (Italian) dalam bahasa mereka masing-masing; syair-syair Shakespeare, Milton, Grey, Wordsworth, Tenneson dan beberapa banyak yang lain lagi dalam bahasa Inggeris, sekaliannya syair-syair dan pengarang-pengarangnya yang tersebut itu terkenal dan terbilang di antara orang-orang berpelajaran diseluruh dunia sekarang.

Syair-syair Melayu yang telah biasa kita lihat dan baca selama ini dari semenjak mula-mulanya dahulu pun lagi ialah kebanyakan semacam dan satu acuan sahaja semuanya dan hampir-hampir semuanya itu pula kita dapati bukan daripada jenis karangan syair yang tinggi darjat mutunya jika dinilai dengan ukuran kesenian yang sebenar, kerana karangan syair jenis yang dikatakan tinggi dan elok itu ialah

fikiran yang indah dan bernas dilafazkan dengan lukisan bahasa yang indah bersemangat serta sedap bunyinya dan rasanya. Maka diantara syair-syair kita cara lama yang sedia ada dan banyak terjual di tepi-tepi jalan itu jarang-jarang benar boleh didapati rangkapnya yang memenuhi sifat-sifat kesempurnaan seperti yang tersebut ini. Dan lagi satu perkara yang mendukung oalah kebanyakan syair-syair itu – sebagaimana juga hikayat-hikayat Melayu yang lama-lama – tiada diketahui siapa pengarangnya yang bertanggung jawab di atas karangannya itu dan bila tarikh terkarangnya.

Ada pun pada fahaman Melayu yang biasa bahawa yang dikatakan “syair” itu ialah berangkap atas acuan cara lama itulah iaitu bersukat bertimbang dan bersajak mengikut kaedah ikatan rangkap yang tertentu. Maka jika tidak mengikut kaedah dan acuan itu, tidak bersukat dan bertimbang dan tidak tentu rangkap-rangkapnya, biarlah disebut mereka gurindam dan seloka sahaja walaupun perkataan “gurindam” dan “seloka” itu lain makna dalam bahasa asalnya bahkan terkadang ada juga disebut orang gurindam dan seloka itu, syair melarat”. Ada pun jika bersukat dan bertimbang mengikut acuan biasa itu juga tetapi lain macam aturan isinya dan selang-selangan sajaknya maka disebut mereka “pantun” -lailulah cara karangan berangkap yang tertua sekali dalam bahasa Melayu dan yang boleh dikatakan memang kepunyaan Melayu betul dari asalnya. Akan tetapi bagi maksud dalam bahas ini semuanya itu kita bangsakan “syair” belaka baik pantun atau gurindam atau seloka pun, kerana tiap-tiap satu itu ada dan boleh ada mengandungi sifat-sifat kesyairan dan keindahan ukiran bahasa dan isi yang telah disebutkan dahulu.

Pengarang-pengarang syair kita tingkat muda-muda pada hari ini telah mulalah nampaknya mengarang syair-syair atas kaedah ikatan cara baharu. Tidak sentiasa mengikut acuan lama itu lagi: Melainkan lepas bebas rangkapannya dan memakai gambaran bahasa yang berwarna-warna dan bersemangat, hebat dan tinggi; susuk bangunannya seakan-akan dengan susuk karangan yang terkenal dengan nama gurindam dan seloka selama ini. Maka yang demikian

ialah menurut tauladan “syair lepas” dalam bahasa Barat. Syair-syair demikian mula-mulanya telah ditiru oleh pengarang-pengarang syair di sebelah Indonesia; kemudian semenjak beberapa tahun yang lalu ditauladani pula oleh pensyair-syair muda kita di semenanjung ini. Bahawasanya kepada mereka inilah dan kepada pujangga-pujangga Melayu kita yang akan datang bahasa Melayu meletakkan harapan yang mereka itu laki-laki dan perempuan, akan menambah usaha lebih-lebih giat lagi memajukan kecenderungan mereka itu dan mengukir lagi karangan-karangan syair yang bertambah2 lebih baik, lebih bermakna dan lebih bersemangat daripada syair-syair cara lama itu – lebih tinggi mutunya, lebih bernas isinya dan lebih indah gambaran bahasanya dan warna-warna fikirannya, biarpun tiap-tiap satu syair yang dikarangkan itu pendek pada kadar sepuluh lima belas rangkap sahaja, asalkan elok sifat-sifatnya memadallah.

Bagi pengarang-pengarang kita pihak yang tua-tua boleh dipercaya kebanyakannya syair-syair cara lama yang telah bebas itulah sahaja



A. Za'ba pendeta melayu yang terkenal bersama-sama isterinya dalam permulaan musim sejuk di Trafalgar Square di London.

Gambaranya diambil pada 19 November 1949.

lebih kurang yang dapat mereka perbuat atau yang gemar mereka membuatnya, kerana itulah yang telah jadi terbiasa kepada mereka dari masa muda-mudanya. Maka sesetengah mereka itu bukanlah sahaja tiada tahu atau tiada suka membuat syair-syair cara baharu, malahan benci pula mereka melihat dan membaca syair-syair Melayu cara baharu yang dicuba-cuba buat oleh pengarang-pengarang muda kita sekarang! Memang demikianlah selalunya perselisihan di antara tua dengan muda pada apa perkara pun dan pada bangsa pun.

Tetapi tidak dapat disangkal bahawa tiap-tiap yang tua itu akan mati dan tinggal dan tinggal dan anak cucunya yang menggantikan dia akan berkekalan mara ke hadapan mengubah dan menambah segala apa jua yang telah sedia ada itu; dan pada giliran mereka pula anak cucu mereka sendiri pun akan bebruat demikian pula kelak, sehingga jikalau sekiranya orang tua-tua yang telah mati hanya baharu dua tiga ratus tahun sahaja itu hidup kembali balik ke dunia ini nescaya mereka akan pengsan atau tercengang besar melihat perubahan-perubahan yang telah terjadi dan tiada banyak perkaranya yang mereka masih kenal lagi, demikianlah sentiasa perjalanan tawarikh dan demikianlah dari peredaran perubahan alam. Oleh itu nyatalah bahawa kepada pensyair-syair kita pihak yang muda-muda sekarang dan yang yang akan datang, masanya telah sampai dan akan sampai lagi bagi membagi-bagikan cara kaedah ikatan syair kita Melayu kepada bermacam-macam rupa acuan dan bentuk susunan yang lain-lain lagi – sama ada pada timbangan dan sukatanya, pada bilangan rentak dan kerat-keratnya, pada selang-selangan antara sekerat dengan sekeratnya, pada sajak-sajak pertentangan bunyinya, dan terutama pada isinya dan keindahan gambaran atau bunga-bunga bahasanya.

Bahkan pada hari ini sehingga ahli-ahli syair bahasa Arab yang telah sedia ada dari dahulu kala lagi sekurang-kurangnya enam belas macam acuan bagi ikatan rangkap syairnya itupun telah mulai juga membuat syair-syair cara baharu, dan di antara mereka ada juga yang menjawab membagi-bagikan acuannya bermacam-macam lagi lain daripada enam belas yang sedia itu. Maka betapakah lebih wajibnya lagi kita berbuat demikian kerana kita cuma baharu ada satu acuan sahaja

yang masyhur apabila mengikat rangkapan syair kita selain daripada kaedah ikatan pantun, gurindam dan seloka, bahawa contoh acuan yang berbagi-bagi itu jika ada tentu akan menolong meluaskan lapangan bahasa kita dalam medan syair dan akan menambahkan rimbunnya pokok tumbuhan-tumbuhan kesyairan yang akan bertumbuh di dalamnya dalam masa ke hadapan kelak.

Maka yang dikatakan ‘acuan’ syair itu ialah ukuran yang hendak diikuti apabila mengarang sesuatu rangkap syair tentang sukatan dan timbangan perkataan yang dipakai dalam tiap-tiap sekerat daripada tubuh rangkapan itu, dan tentang berapa-apa bilangan keratnya dalam serangkap, dan yang mana kerat panjang yang mana pula kerat pendek jika hendak dibeza-bezakan.

- (i) Sukatan: Iaitu dikira berapa perkataan dan berapa jumlah bunyinya yang dipakai dalam tiap-tiap sekerat itu – enam bunyi atau tujuh bunyi, atau delapan Sembilan sepuluh hingga lima belas atau enam belas bunyi sebaik-baiknya. Bilangan bunyi dalam kerat-kerat yang dirangkapkan itu hendaklah seberapa boleh sama banyaknya antara sekerat dengan sekeratnya yakni jika tujuh sama tujuh, jika sepuluh sama sepuluh, jika dua belas sama dua belas, baharulah elok jadinya. Kecuali jika sengaja hendak dibezakan menurut acuan yang ada panjang pendek keratnya.
- (ii) Timbangan: Ialah ditentukan dalam bunyi-bunyi yang enam atau tujuh atau delapan sembilan sepuluh atau lainnya itu manakah bunyi yang diringankan rentaknya dan mana yang diberatkan sama ada bunyi ringan dengan bunyi berat itu berselang-selang satu atau lebih.
- (iii) Bilangan kerat dalam tiap-tiap serangkap: iaitu ditentukan adalah rangkap itu rangkap dua serangkai (yakni dua kerat

sahaja menjadikan serangkap) atau tiga serangkai atau empat serangkai atau lima serangkai atau enam serangkai atau tujuh atau delapan atau lebih lagi.

(iv) Panjang pendek kerat dalam serangkap:

Iaitu dibuat sekian-sekian keratnya yang panjang mengandungi sekian-sekian banyak bunyi, dan sekian-sekian keratnya pula yang pendek mengandungi sekian-sekian banyak bunyi sahaja; ataupun dibuat sama panjangnya atau sama banyak bunyinya sekalian kerat-kerat itu.

Itulah dia perkaranya yang menjadikan “acuan” rangkap syair. Apabila telah tentu dan ditetapkan apa-apa dia masing-masing acuan itu dan bagaimana-mana sifatnya tentang empat perkara-perkara ini maka buatlah sifir penimbangannya masing-masing serta beri nama yang munasabah tiap-tiap satu acuan itu. Umpamanya dinamakan acuan melur, acuan kenanga, acuan eempaka, acuan bunga mawar, acuan bunga tanjung, acuan bunga raya, acuan teratai, acuan melati, acuan seroja, acuan narjis, acuan jasmin, acuan bunga rampai dan lain-lain sebagai itu, ataupun jika tiada berkenan nama-nama demikian dan susah hendak mencarikan nama-nama yang layak dan munasabah maka namakan sahajalah bagi sementara acuan alif, acuan ba, acuan ta, acuan sa, jim, cha dan seterusnya seberapa yang ada acuannya yang telah diatitkan.

Adapun tentang cara selang-selangan di antara sekerat dengan sekeratnya dalam tiap-tiap rangkap itu dan cara-cara pertentangan bunyinya tidaklah termasuk dalam bicara “acuan” melainkan bolehlah dibuat bagaimana suka oleh masing-masing pengarang. Bahkan kedua-duanya pantun dan syair patutlah boleh diperbuat mengikut salah satu acuan itu jika sudah ada ditetapkan.

Dalam bahasa Inggeris jenis-jenis syairnya ada, “sonet” ada “lirik”, ada ‘caplet’, ada ‘kuatrin’, ada ‘alexandrine’ dan ‘black brass’ dan ‘ode’ ada ‘ballad’ ada ‘epik’ dan

bermacam-macam lagi; dan acuannya pun berbagai-bagai pula dalam bahasa Parsi jenis-jenis syairnya ada beberapa macam dan acuannya pula ada ‘mathnawi’ ada ‘dubet’ ada “rubaiyat’ dan lain-lain lagi. Dalam bahasa Arab jenis-jenis syair ada kasideh, ada nazam, ada nasid, ada nasyid, ada ghazal, ada haja (atau ahjiah), ada mushah, dan lain-lain dan acuannya pula banyak macam dinamakan “bahar” iaitu bahrul rijz, bahrul wafir, bahrul kamil, bahrul tawil, bahrul basit, bahrul mutaqrrib, bahrul riml, bahrul khafif, bahrul sari, bahrul nadid, bahrul hizj, bahrul majtath, dan lain-lain mengikut cara sukatan dan timbangan perkataan panjang dan pendek bunyi dalam tiap-tiap kerat atau masranya.

Maka begitulah pula dalam bahasa Melayu iaitu jenis-jenis karangan syar, ada pantun, ada syair, ada gurindam ada seloka; tetapi acuan syairnya yang berangkap hanyalah seperti yang telah disebutkan tadi satu atau semacam sahaja yang telah masyhur dan biasa dipakai orang. Dalam pada itu jika diperhatikan baik-baik dari contoh yang mula-mula kita dapati dalam nyanyi-nyanyi permainan kanak-kanak seperti:

timbang tinggi * sampai cucur atap

belum tumbuh gigi * pandai baca kitab

dan segala bunyi-bunyi permainan atau penghiburan mereka yang setimbang dengan itu seperti: (1) “Pok amai-amai belalang kupu-kupu” hingga akhirnya’ (2) “tukul takal kancing pintu’ hingga akhirnya, (3) “Buai kadok-kadok. (4) “buai laju-laju....(5) “burung kenek-kenek.....(6) Pat siku lipat. (7) “Panjang-panjang jalan”..... (8) “oh bulan mana bintang mana. (9) “Oh bangau oh bangau”..... dan sebagainya hingga kepada nyanyian-nyanyian mereka naik setingkat lanjutnya seperti nyanyi “ikan kekek mak eloi-eloi, ikan gelama ikan mak ilai-ilai, dan kemudian dari situ melalui cara ikatan bidal berangkap seperti:

(1) Sudah gaharu * cendana pula

Sudah tahu * bertanya pula

(2) Siakap senohong * gelama ikan duri

	Bercakap bohong	*	lama-lama mencuri
(3)	Bergalah ke hulu	*	berenang ketepian
	Bersusah dahulu	*	bersenang kemudian

Dan sebagainya hingga kepada cara ikatan pantun dan syair

Melayu yang masyhur dan biasa dibuat orang sekarang seperti:

Halia ini tanam-tanaman	*	Ke barat juga condong tumbuhnya
Dunia ini pinjam-pinjaman	*	Akhirat juga akan sesungguhnya.

Dan

Buatlah baik ayuhai rakan	*	Ke dalam laut engkau campakkan
Jikalau tidak dikenal ikan	*	Tuhanmu tahu iakah bukan.

Dan dari situ hingga kepada pantun enam kerat dan delapan

kerat yang kadang-kadang ada kita terjumpa, dan kepada bermacam-macam cara rangkapan baharu yang telah dicuba membuatnya oleh pengarang-pengarang

muda kita sekarang - sesungguhnya jika diperhati sekalian

ini dengan cermat nescaya bolehlah juga didaati beberapa

macam rupa acuan bagi tiap-tiap sejenis karangan

dan syair kita itu terutama pada pantunnya dan

barang kali juga pada gurindamnya dan seloknya.

Sekadarkan sekalian Itu belum diaturkan kaedah dan

undang-undangnya yang memerintahkan sukar dan timbangannya

masing-masing, belum ditetapkan rupanya satu-satu acuan itu dan

belum ada bubuh nama masing-masingnya. Dan lagi selain daripada

satu acuan yang telah terkenal dan jadi biasa itu

tidak ada mana-mana acuan pun daripada timbangan nyanyi kanak-kanak

atau bidalan berangkap atau pantun enam kerat dan delapan

kerat itu yang dibiasakan oleh pengarang-pengarang kita memakainya apabila

mereka mengarang syair. Yang demikian ialah agaknya oleh sebab

dirasa mereka terlampau kanak-kanak bunyinya, atau banyak

membuang-buang perkataan kosong dengan percuma sahaja (seperti

dalam pantun enam kerat dan delapan kerat itu) atau pun

entah oleh sebab susah membuatnya.

Tetapi diharap mudah-mudahan lambat sangat pun akan

teratur juga kaedahnya sekalin itu apabila pengarang-pengarang

kita Melayu telah merasa bertambah-tambah sedar akan keindahan

dan kemegahan bahasa mereka ini yang telah mereka pusakai

dari nenek moyang Melayu dahulu kala dan yang akan mereka

pusakakan pula kepada anak cucu kaum Melayu yang akan datang

hingga beribu tahun kelak. Maka dengan kesedaran yang demikian

dan dengan memerhatikan jalan-jalan yang telah diarahkan ini diharap

mudah-mudahan Tuhan mengurniakan dalam masa dua tiga

ratus tahun yang ke hadapan kelak bahasa Melayu pun akan

dapat bermegah dengan ahli-ahli syairnya sendiri yang besar-besar dan

masyhur pula di serata alam sebagai mana ahli-ahli syair bahasa

asing yang telah disebutkan pada permulaan tadi, mereka

yang demikian tetaplah akan dijulung tinggi oleh seluruh dunia

Melayu yang akan datang kerana mereka telah meninggalkan mutu

kesenian bahasa Melayu dan mengeluarkan semangat kebatinannya

dengan wasitah syair dan bahasa kesyairan.

1. Bangunlah langkahkan kakiku berjalan
pada jalan baharu yang belum kekenalan
letakkan ke sebelah segala gundah gulana
kekolotan zaman yang telah ketinggalan.
2. Marilah ke hadapan sebagai pemburu,
mencari menawan pembolehan baharu;
kenalkan dirimu kepada orang sedunia
sebagai johan pemulih, petunjuk, penyeru
3. Bangkitlah, hembuskan kembali semangat harapan
ke dalam tiap-tiap sukma yang hidup terpampam
katalah "bangun!" dan dengan kalimah itu,
gerakkan segala yang bernyawa mahu ke hadapan.
4. Karangkanlah suatu lagu pembawaan baharu,
pada nyanyi pancaragammu, jangan meniru,
gandakan kenikmatan majlis jamuan alam,
dengan gelombang muzikmu yang menderu.
5. Hai pembaca yang budiman bijak bestari!
jangan kesalahan di piala kau cari;
tetapi timbanglah dengan halus dan cermat,
rasa minuman yang di piala ini menari.

(bersambung)

Orang yang berakal itu mempunyai dua kelebihan – akal
yang memberi faedah dan perkataan yang berguna.

-----*-----*-----

Larimu daripada nafsumu itu lebih baik larimu daripada singa.